

## **PENDEKATAN GEREJA DALAM MENGHADAPI KONFLIK PERKAHWINAN SESAMA JANTINA: SATU KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Mohd Azwan bin Md Yasim,<sup>1</sup>  
Muhammad Azizan bin Sabjan<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *School of Humanities*, <sup>2</sup> *School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800, USM  
Penang, Malaysia.*

\*Corresponding author: mazwan28@gmail.com

### **ABSTRAK**

Peredaran arus globalisasi seiring dengan perubahan manusia membentuk institusi keluarga. Kini, amat mengejutkan apabila isu perkahwinan sesama jantina (PSJ) berjaya menggugat kesucian agama Kristian. Isu ini berjaya menekan institusi-institusi gereja untuk mengambil langkah tersendiri dalam menghadapi penganut homoseksual yang ingin melangsungkan PSJ. Justeru, kajian kepustakaan ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan pendekatan gereja dalam menghadapi konflik PSJ di dalam agama Kristian. Hasil analisis kandungan mendapati pendekatan gereja menyokong PSJ adalah: cinta dan sayang sesama jantina menjadi umpan kepada homofilia; gereja bersikap terbuka menerima pengamal homoseksual untuk kurangkan kebimbangan; mengisytiharkan penerimaan pengamal homoseksual; gereja membenarkan PSJ kerana desakan individu berpengaruh; dan gereja bergantung dana kerajaan diberi tekanan jika melantik paderi yang menentang PSJ. Sementara itu, pendekatan gereja menentang PSJ pula adalah: gereja pusat membentuk penganut dahulukan Yehuwa dalam segala hal; gereja tangani pengamal homoseksual dengan mengenal pasti punca manusia melakukan seks sesama jantina; ketegasan gereja; kesepakatan gereja; mendapat kuasa penuh menguruskan perkahwinan; melantik pemimpin gereja dari kalangan lelaki; dan sokong perkahwinan heteroseksual. Justeru, dicadangkan supaya gereja mengambil pendekatan jangka masa panjang agar terus berjaya kekalkan kesucian agama Kristian.

**Kata Kunci:** Pendekatan gereja, konflik, perkahwinan sesama jantina, homoseksual.

### **ABSTRACT**

The circulation of globalization in line with human change forms a family institution. Now, it is very shocking when the issue of same-sex marriage (PSJ) succeeds in threatening the sanctity of Christianity. This issue successfully pressured church institutions to take their own steps in dealing with homosexuals who want to hold PSJ. Thus, this library study aims to identify differences in church approaches in dealing with PSJ conflicts in Christianity. The results of the content analysis found that the church's approach to supporting PSJ was: love and affection between the sexes became bait for homophilic; declare acceptance of homosexual practitioners; the church is open to accepting homosexual practitioners to reduce anxiety; the church allowed PSJ at the urging of influential individuals; and the church relies on government funds to be pressured if it appoints pastors who oppose PSJ. Meanwhile, the church's approach against PSJ is: the central church forms believers following the teachings of the Bible; the church deals with homosexual practitioners by identifying the causes of homosexuality; the firmness of the church; church agreement; gain full authority to manage

marriage; appointing church leaders from among men; and support heterosexual marriages. Therefore, it is suggested that the church take a long-term approach in order to continue to successfully maintain the sanctity of Christianity.

**Keywords:** Church approach, conflict, same-sex marriage, homosexuality.

## 1.0 PENDAHULUAN

Apabila menyusuri sejarah Kristian pada 240 tahun yang lalu, perkahwinan sesama jantina (PSJ) tidak diterima di mana-mana gereja dunia (Saez, 2012, p. 115). Namun pada masa ini, perubahan berlaku daripada menentang kepada menyokong. Contoh di Kanada, pada 1960 penganut Kristian masih menolak hubungan seks sesama jantina. Bagaimanapun, sekitar 1984 persatuan gereja di Kanada mula bersepakat untuk menerima semua orientasi seks. Ia termasuklah menerima pasangan homoseksual untuk berkahwin. Tindakan ini sekali gus menamatkan diskriminasi kepada mereka.

Lanjutan itu, persatuan gereja Kanada mengeluarkan prosedur khusus pada tahun 1992. Fungsinya adalah untuk menguruskan upacara PSJ. Pada 2003, PSJ berjaya mendapat pengiktirafan di dalam undang-undang perkahwinan Kanada (Young, 2006). Contoh gereja yang mengalu-alukan pasangan sesama jantina untuk berkahwin adalah Persatuan Unitarian Universalist, United Church of Canada, dan Metropolitan Community Church (Young, 2000), dan Gereja United Church of Christ (Yarhouse, 2007).

Di England pula, kira-kira 16000 gereja masih mengadakan upacara perkahwinan mengikut tradisi. Ia dilakukan seperti yang termaktub di dalam Canon B 30 bahawa perkahwinan mesti terdiri daripada seorang lelaki dan seorang wanita. Tindakan ini selaras agar Bishop tidak mengendalikan upacara PSJ. Namun, perubahan besar-besaran berlaku pada 2017 sehingga PSJ mula dibenarkan. Ia bersangkutan daripada campur tangan luar termasuk paderi sendiri iaitu Alan Wilson (Bishop Buckingham). Beliau meminta gereja-gereja di England membenarkan paderi mengahwini pasangan sesama jantina (Smith, 2019).

Akibatnya, ia membuka laluan yang besar kepada pengamal homoseksual atau homofilia yang lebih progresif. Golongan ini mendesak PSJ segera dilangsungkan di gereja-gereja. Desakan PSJ di atas dasar cinta, persahabatan, dan komitmen jangka panjang kepada pasangan (Gates, 2015, p. 79), insuran perlindungan terhadap isteri, perubatan, dan pengecualian cukai (Kurdek, 2004, p. 881). Menurut Brownson (2013, p. 119), Wolf et al. (2017), David dan Letha (2005), dan Vines (2014) pula, mereka setuju bahawa PSJ dilangsungkan di atas dasar sayang menyayangi dan setia terhadap pasangan. Tambahan pula, ia dapat membentuk sikap toleransi dan keadilan (Stephanie dan Jill, 2013, p. 406) tanpa menimbulkan dosa yang jelas (Jason Horowitz, 2020; Antsey, 2019, p. 280-281).

Sehubungan itu, sokongan terhadap PSJ memberi tamparan hebat buat gereja yang mempertahankan tradisi Kristian. Ikatan yang songsang ini didakwa tidak membawa sebarang kebaikan. Sebaliknya ia merendahkan martabat manusia (D. James dan Jerry, 2004, p. 56). Ia menambahkan perpecahan sesama penganut (M.D. Jordan, M.T. Sweeney dan, D.M. Mellot, 2006, p 112). Di samping itu, ia tidak membantu dalam memperkukuhkan kestabilan agama dan merosakkan tujuan asal perkahwinan.

Pandangan ini disokong Mark et al. (2006) bahawa PSJ ditolak di atas alasan agama, jantina pasangan yang tidak sepadan, dan hubungan seks yang salah. Akibat daripada itu, sebahagian gereja mengambil keputusan untuk tidak mengiktiraf PSJ. Contohnya ialah Gereja Roma Katolik, Evangelical Fellowship of Canada, Gereja Presbyterian di Kanada, Salvation Army, dan Pentecostal Assemblies. Gereja yang paling menonjol penentangan PSJ pula adalah Anglican Canada (Pamela Dickey Young, 2006), National Association of Evangelicals (Spaulding, 2018, p. 29), Protestan Evangelis (Andrew dan Samuel, 2015, p. 15), Unitarian Universalist Association dan United Church of Christ (Darren et al., 2011, p. 168; McQueeney, 2014, p. 150).

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Konflik PSJ dilihat menimbulkan perpecahan di antara institusi gereja. Pelaksanaan PSJ menjadi tanda tanya sama ada ia dilarang dalam agama Kristian atau sebaliknya. Ini kerana, sebahagian gereja yang menyokong PSJ telah memberi kebebasan untuk melaksanakannya. Pada masa yang sama, sebahagian gereja lagi menutup jalan kegembiraan terhadap kehidupan pasangan homoseksual kerana jelas termaktub dalam ajaran agama Kristian (Young, 2000; Vines, 2014).

### **1.2 Objektif Kajian**

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pendekatan gereja yang menyokong perkahwinan sesama jantina.
2. Mengetahui pendekatan gereja yang menentang perkahwinan sesama jantina.
3. Menganalisis pendekatan gereja dalam menghadapi perkahwinan sesama jantina.

### **1.3 Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian kepustakaan. Data kajian yang dikumpul adalah data kualitatif yang berbentuk deskriptif. Menurut Jasmi (2012), data seperti ini berbentuk tulisan atau kata-kata lisan tentang tingkah laku manusia. Ia dapat diamati melalui hasil pemerhatian, hasil perbincangan, dan bahan bertulis. Sehubungan itu, untuk mencapai objektif satu dan dua, kajian ini menghimpunkan data dari bahan-bahan akademik.

Bagi mencapai objektif tiga pula, penyelidik menggunakan perisian ATLAS.ti 7 untuk menganalisis data. Perisian ini dipilih kerana ia dapat mengenal pasti perkataan, frasa, ayat, serta menjadualkan dapatan analisis yang diperolehi dengan sistematik. Sehubungan itu, kajian ini dimulakan dengan menghimpunkan pendekatan-pendekatan gereja yang menyokong seks sesama jantina.

## **2.0 PENDEKATAN GEREJA YANG MENYOKONG PERKAHWINAN SESAMA JANTINA**

Tujuan perkahwinan bagi penyokong PSJ adalah dasar cinta dan sayang menyayangi. Keputusan ini dipengaruhi oleh tindakan gereja yang menekankan cinta sesama manusia.

Contohnya seperti yang dilakukan oleh gereja United Congregational Church of Christ (William, 1993, p. 1499). Berdasarkan hujah tersebut, gereja berpendapat pasangan homoseksual perlu diberi peluang untuk melangsungkan PSJ.

Maka, sebagai langkah pemulihan, gereja mentakrifkan semula tingkah laku homoseksual kepada orientasi homoseksual. Ini bermakna, tingkah laku homoseksual di dalam agama Kristian adalah dilarang. Sebaliknya daya tarikan homofilia terhadap seks sesama jantina tidak seharusnya menjadi penyebab gay dan lesbian gagal dibentuk. Melalui cara ini, mereka dapat muhasabah diri agar hidup mereka diterima Tuhan dan kembali kepada ajaran Kristian yang sebenar (Brownson, 2013, p. 173).

Menurut David dan Letha (2005, p. 96) dan McQueeney (2014, p. 151) pula, ada sebahagian gereja yang bersikap lebih terbuka. Mereka sememangnya mengalu-alukan golongan homoseksual (Jason Horowitz, 2020) demi memastikan penganut Kristian sentiasa mendekati institusi gereja. Ia menggambarkan gereja sentiasa memberi ruang kepada mereka untuk berubah. Di gereja, homoseksual bersama-sama meningkatkan motivasi untuk mengurangkan penderitaan yang dialami. Tambah McQueeney (2014, p. 169), homoseksual yang mengunjung gereja akan berupaya untuk mengubah cara hidup Kristian.

Pendekatan ini dilakukan berikutan pasangan homoseksual sering diberi kecaman. Ia menyebabkan berlaku tekanan mental (Wolf et al, 2017; William et al., 2015, p. 314; Siti Amirah, 2020, p. 74) dan bunuh diri (Barton, 2010; Vines, 2014; Jeremy J. Gibbs dan Jeremy Goldbach, 2015, p. 427-428). Tindakan gereja mengalu-alukan homoseksual dapat mengurangkan kadar bunuh diri dalam kalangan gay dan lesbian yang didapati lebih tinggi berbanding individu normal (Brownson, 2013.). Individu LGBT merasakan mereka masih dihargai apabila paderi mengadakan dialog dengan mereka (Vines, 2014).

Selain menerima penyokong PSJ di atas alasan pemulihan, ada sebahagian gereja yang mengambil pendekatan yang lebih berani. Contohnya pendekatan pentadbiran gereja di Sweden dengan lantang mengisytiharkan bahawa homoseksual boleh diterima. Gereja mendakwa teks seks sesama jantina di dalam Bible telah ketinggalan zaman (James dan Jerry (2004, p. 124).

Justeru, Bible ditafsirkan semula mengikut kesesuaian semasa dengan merujuk kepada fakta-fakta terbaru termasuklah ilmu sains. Tindakan seperti ini turut dilakukan oleh gereja-gereja Komuniti Metropolitan (gereja homoseksual) yang mempertikaikan teks penduduk Sodom kerana gagal membuktikan tingkah laku homoseksual adalah perbuatan yang dikutuk (D. James dan Jerry, 2004, p. 79-80).

Sehubungan itu, pendekatan gereja yang bersikap terbuka kepada pengamal homoseksual dilihat memberi galakan untuk melangsungkan PSJ. Sikap terbuka gereja ini menyebabkan seks sesama jantina asalnya dikutuk menjadi semakin diterima di dalam kehidupan masyarakat. Meskipun ia tindakan yang tidak wajar, namun gereja terpaksa jadikan ia sebagai jalan alternatif supaya dapat mengurangkan kebimbangan terhadap cinta dan seks (Mark et al., 2006, p. 104). Oleh yang demikian, gereja setuju untuk mempertimbangkan ideologi homoseksual menjadi sebahagian daripada cara hidup penganut (Wolf et al., 2017).

Perjuangan pengamal homoseksual untuk melangsungkan PSJ di gereja mula mendapat perhatian para pemimpin. Malah, paderi seperti Pope Francis (Jason Horowitz, 2020), menteri, dan pemimpin berprofil tinggi (Mohler, 2014, p. 11) yang lain turut berganding bahu untuk mengiktiraf PSJ. Jalinan usaha sama ini untuk memastikan PSJ

berjaya dilangsungkan di gereja. Oleh sebab itu, dapat dilihat bahawa semakin ramai pemimpin agama yang menerima PSJ telah mengisi jawatan-jawatan penting bagi memastikan agenda ini berjaya dilakukan (William, 1993, p. 1948).

Kesepakatan penyokong PSJ dilihat berjaya mengubah pendirian sebahagian gereja untuk memberi hak kepada golongan homoseksual (Jason Horowitz, 2020; William, 1993, p. 1948). Maka, gereja mengeluarkan prosedur khusus untuk melangsungkan PSJ. Contohnya ialah seperti yang berlaku kepada Gereja Katolik Rom dan Ortodoks Yunani. Tindakan tersebut dilihat berjaya mengubah etika dan tradisi Kristian yang telah bertahan melebihi 1500 tahun dahulu.

Disebabkan wujudnya tekanan daripada pelbagai pihak, gereja-gereja lain yang asalnya menolak homoseksual juga terpaksa melantik paderi yang menyokong PSJ. Perlantikan itu mampu mempengaruhi keputusan masyarakat untuk turut menerima pasangan PSJ. Contohnya, Paderi Pope Francis (Jason Horowitz, 2020) dan McNeill yang juga merupakan pengkaji Katolik memberi pandangan bahawa gereja harus melangsungkan PSJ (William, 1993, p. 1500). Pendekatan membenarkan PSJ di gereja dapat memastikan dana yang diperolehi daripada kerajaan tidak terputus di samping memperoleh dana sampingan yang dipungut hasil daripada upacara PSJ yang dilangsungkan (Mark et al., 2006; Foster, 2016, p. 21).

Memandangkan PSJ semakin diterima, sebahagian gereja yang masih menentang PSJ pula diberi tekanan oleh kerajaan demi meraih sokongan politik. Gereja terpaksa menerima campur tangan kerajaan yang mendesak PSJ diiktiraf. Gereja yang cuba menghalang campur tangan luar pula terpaksa akur dengan kehendak kerajaan akibat takut kehilangan sumber pendapatan. Gereja akan didenda atau tidak diberi pengecualian cukai jika tidak meneruskan PSJ (D. James dan Jerry, 2004, p. 68).

Malah, pastor yang berucap mengenai homoseksual turut dikecam dan berisiko didenda, kehilangan kerja atau mungkin akan ditangkap disebabkan ucapan benci yang dilakukan (D. James dan Jerry, 2004, p. 124; Bengtsson, 2019, p. 1). Meskipun begitu, sebahagian gereja yang lain masih lagi mengambil pendekatan untuk mempertahankan kesucian agama Kristian dengan menentang homoseksual dan PSJ.

### **3.0 PENDEKATAN GEREJA YANG MENENTANG PERKAHWINAN SESAMA JANTINA**

Menurut D. James dan Jerry (2004, p. 67), pendekatan gereja yang menentang PSJ menunjukkan gereja mendahulukan Yehuwa dalam segala hal. Gereja yang menyokong PSJ pula menggambarkan mereka adalah wakil daripada institusi yang mementingkan keinginan manusia berbanding seruan yang dijelaskan di dalam Bible. Tindakan mengubah peraturan asal akan mencalarkan reputasi gereja-gereja Kristian. Jika dibiarkan, gereja tidak lagi mempunyai nilai untuk membentuk penganut yang bersifat kemanusiaan.

Justeru, kesucian tradisi perkahwinan perlu dipertahankan dengan mengenal pasti punca keinginan kepada perbuatan seks yang tidak bermoral. Ia dilakukan dengan mengenal pasti punca yang menimbulkan keinginan kepada perbuatan seks yang tidak bermoral. Ia selaras dengan Paul yang menyatakan seks sesama jantina adalah disebabkan masalah dalaman yang menginginkan tingkah laku yang jijik dan berlebihan. Mencintai sesama jantina di atas dasar seks menyebabkan individu gagal buktikan sifat sejatinya (Brownson, 2013, p. 22). Ia adalah perbuatan yang memalukan dan melampaui batas (Brownson, 2013, p. 260-

261).

Pendekatan lain yang dilakukan oleh gereja yang menentang PSJ adalah bersikap tegas dengan mendakwa Bible menolak amalan homoseksual (Mohler, 2014). Ketegasan ini wajar kerana kelakuan tersebut bertentangan dengan kejadian alam semula jadi yang diciptakan secara berpasangan (Brownson, 2013, p. 22). Hakikatnya, semua gereja mempunyai pemahaman Bible yang jelas bahawa tingkah laku homoseksual adalah tidak bermoral. Namun, ia terserah kepada gereja sama ada mampu atau tidak untuk memikul tanggungjawab dalam menegakkan teks-teks Bible terhadap penganut sendiri (Brownson, 2013, p. 4).

Selanjutnya ialah gereja yang menentang PSJ saling sepakat menyatakan amalan homoseksual jelas menyalahi ajaran Kristian. Menurut Stahlberg (2008, p. 455), perbuatan ini dianggap menjijikkan walaupun perkahwinan tersebut telah dilangsungkan oleh paderi. Apabila Tuhan mengutuknya, tiada siapa yang dapat menjadikannya suci walaupun diberkati oleh paderi.

Pendekatan lain yang dilakukan gereja adalah menolak kerajaan daripada mengiktiraf dan mencampuri urusan perkahwinan. Campur tangan luar bakal membuka peluang penganut Kristian membentuk institusi keluarga yang tidak menepati ajaran Kristian. Pembentukan ini mendedahkan kepada berlakunya tuntutan perkahwinan yang tidak masuk akal. Jadi, hak untuk melangsungkan perkahwinan perlu dipulangkan kepada gereja sepenuhnya. Ia sekali gus dapat mengelakkan kerajaan mendapatkan kepentingan tertentu di atas kuasa yang dimiliki (Mark et al., 2006, p. 38).

Pendekatan seterusnya ialah gereja mengambil keputusan untuk menolak wanita menjadi ketua di dalam keluarga. Bahkan, gereja sendiri telah mengehadkan penglibatan wanita dalam mentadbir institusi gereja. Sebagai contoh, semua jawatan kepimpinan Gereja Reformed di Amerika sejak lebih 30 tahun yang lepas telah memberi peluang kepada wanita untuk memegang jawatan kepimpinan. Namun, pemimpin daripada kalangan wanita mula dipersoalkan. Ia disebabkan wujudnya pelanggaran dengan norma yang terdapat di dalam Bible (Brownson, 2013, p. 22). Pendekatan ini sekali gus menolak wanita lesbian yang hidup bersama menjadi pemimpin kepada pasangan wanita yang lain seperti yang dijelaskan di dalam 1 Korintus 11:3 dan 1 Korintus 11:8-9.

Justeru, gereja yang menerima perkahwinan daripada pelbagai orientasi seksual menyebabkan pasangan heteroseksual tidak lagi eksklusif (Saez, 2012, p. 116). Perkahwinan tidak lagi menjadi satu hubungan yang terdiri daripada pasangan lelaki dan wanita (Mark et al., 2006, p. 39). Tindakan gereja yang menolak pengiktirafan PSJ ini sekali gus menjadikan gereja sebagai institusi yang benar-benar menjaga kesucian agama Kristian.

#### **4.0 PERBINCANGAN**

Secara amnya, bahagian ini akan menganalisis pendekatan gereja dalam berhadapan dengan ahlinya yang homoseksual dan PSJ. Melalui analisis ini, penganut dapat menilai sama ada pendekatan gereja adalah wajar atau bertentangan dengan kehendak Tuhan. Secara khususnya pula, analisis akan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, pendekatan gereja menyokong PSJ. Kedua, pendekatan gereja menentang PSJ. Sehubungan itu, bahagian ini dimulakan dengan pendekatan gereja menyokong PSJ.

##### **4.1 Pendekatan Gereja Menyokong Perkahwinan Sesama Jantina**

Bahagian ini menganalisis lima pendekatan gereja yang menyokong PSJ. Ia merangkumi cinta dan sayang sesama jantina menjadi umpan kepada homofilia; gereja bersikap terbuka menerima pengamal homoseksual untuk kurangkan kebimbangan; mengisytiharkan penerimaan pengamal homoseksual; gereja membenarkan PSJ mendapat sokongan individu berpengaruh; dan gereja bergantung dana kerajaan diberi tekanan jika melantik paderi yang menentang PSJ.

Analisis pendekatan gereja yang pertama ialah perasaan cinta dan sayang sesama jantina menjadi umpan gereja menarik homofilia. Analisis mendapati, tafsiran gereja yang menentang kelakuan homoseksual tetapi menerima hubungan homoseksual di atas dasar cinta sesama jantina bakal menjejaskan kepercayaan penganut. Hal ini kerana, di pengakhiran hubungan cinta mereka adalah perkahwinan. Sedangkan gereja hanya mengiktiraf hubungan homoseksual. Sikap toleransi ini memberi kesan buruk terhadap nama baik gereja. Sedangkan, gereja sepatutnya tidak berselindung dengan mengubah fakta sebenar status seks sesama jantina dalam agama Kristian.

Analisis pendekatan gereja yang kedua ialah gereja bersikap terbuka menerima pengamal homoseksual untuk mengurangkan kebimbangan. Analisis mendapati cara ini mendatangkan kesan buruk dalam jangka masa yang panjang. Institusi gereja akan menjadi pusat untuk melahirkan generasi baharu yang bebas dalam memilih jenis pasangan. Sedangkan fungsi sebenar gereja untuk memulihkan penganut yang tergelincir daripada landasan Kristian.

Analisis pendekatan gereja yang ketiga ialah pentadbiran gereja lantang mengisytiharkan penerimaan homoseksual dan teks Bible ketinggalan zaman. Sikap berani yang ditonjolkan ini membuktikan gereja tidak lagi mampu mempertahankan perkahwinan heteroseksual. Sokongan terbuka kepada tafsiran baharu telah membuktikan gereja bukan sekadar menerima perubahan dari segi teks, malah dari segi amalan praktikal juga turut berubah. Gereja yang masih mempertahankan peraturan asal pula mempunyai tugas yang semakin berat untuk dilakukan.

Analisis pendekatan gereja yang keempat ialah tindakan gereja membenarkan PSJ kerana desakan daripada individu berpengaruh. Analisis mendapati kaedah menerima campur tangan daripada pemimpin awam dan menteri yang mempunyai ideologi homoseksual akan menjejaskan usaha gereja memulihkan pengamal homoseksual. Kuasa yang dimiliki pemimpin yang berpengaruh mampu melonggarkan konsep perkahwinan asal. Malah, peraturan-peraturan yang lain turut berubah.

Analisis pendekatan gereja yang kelima ialah gereja bergantung dana kerajaan diberi tekanan jika melantik paderi yang menentang PSJ. Analisis mendapati, kaedah mendapatkan bantuan luar yang mempunyai agenda tersembunyi mampu mempengaruhi keputusan gereja. Maka, gereja sukar beroperasi dengan cara sendiri untuk memulihkan penganut yang mempunyai ketagihan seks terhadap sesama jantina.

Merujuk kepada pendekatan gereja yang menyokong PSJ, dapat dinyatakan bahawa pendekatan di atas tidak berupaya untuk memulihkan semula perkahwinan asal. Sehubungan itu, gereja perlu mengambil pendekatan yang menyeluruh dengan melihat kepada kesan jangka panjang. Pendekatan menyelesaikan keinginan seksual untuk jangka masa pendek sahaja tidak mampu menyelamatkan PSJ yang semakin meningkat saban tahun.

## 4.2 Pendekatan Gereja Menentang Perkahwinan Sesama Jantina

Bahagian ini menganalisis tujuh pendekatan gereja menentang PSJ. Ia merangkumi gereja pusat membentuk penganut dahulukan Yehuwa dalam segala hal; gereja tangani homoseksual dengan mengenal pasti punca manusia melakukan seks sesama jantina; ketegasan gereja; kesepakatan gereja; mendapat kuasa penuh menguruskan perkahwinan; melantik pemimpin gereja dari kalangan lelaki; sokong perkahwinan heteroseksual.

Analisis pendekatan gereja yang pertama ialah gereja pusat membentuk penganut dahulukan Yehuwa dalam segala hal. Analisis mendapati sebahagian gereja mengambil pendekatan yang tepat untuk menjelaskan kedudukan sebenar seks sesama jantina menurut perspektif Bible. Lebih-lebih lagi, gereja yang menyeru pengamal homoseksual agar cintakan Yehuwa melebihi cintakan pasangan sesama jantina. Apabila dahulukan Yehuwa dalam segala hal, penganut berpotensi untuk korbakan hasrat peribadi terutama untuk melakukan hal yang salah. Pendekatan ini mampu membimbing homoseksual agar menjadi penganut Kristian yang lebih bertanggungjawab.

Analisis pendekatan gereja yang kedua ialah gereja tangani homoseksual dengan mengenal pasti punca manusia melakukan seks sesama jantina. Didapati bahawa, gereja masih lagi mencari-cari kaedah yang tepat untuk memulihkan semula penganut yang memiliki keinginan songsang. Sedangkan, punca berlakunya seks sesama jantina dapat dikenal pasti dengan mempraktikkan teks Roma 1:21-26, Markus 7:21-23, dan Matius 15:19. Sehubungan itu, institusi gereja perlu memberi penekanan kepada teks tersebut dalam menentukan punca berlakunya seks sesama jantina dan perbuatan seks yang tidak bermoral.

Analisis pendekatan gereja yang ketiga ialah ketegasan gereja menolak seks sesama jantina. Analisis mendapati sebahagian gereja masih lagi memiliki ketegasan menolak seks sesama jantina. Pendirian ini membuktikan gereja masih lagi berupaya untuk mempertahankan peraturan asal seiring dengan seruan yang termakub di dalam Bible. Tindakan sebilangan institusi gereja yang melarang majlis PSJ dilangsungkan mampu menjadi contoh yang baik kepada gereja-gereja yang lain.

Analisis pendekatan gereja yang keempat ialah kesepakatan gereja menolak seks sesama jantina. Analisis mendapati kesepakatan gereja menangani PSJ mampu menutup ruang homoseksual melangsungkan PSJ. Kesepakatan ini sekali gus menjadi salah satu usaha untuk menyatu-padukan semula aliran Kristian yang berpecah. Pendekatan ini perlu berada dalam senarai rancangan gereja untuk jangka masa panjang.

Analisis pendekatan gereja yang kelima ialah gereja perlu mendapat kuasa penuh mengendalikan majlis perkahwinan. Analisis mendapati pendekatan ini mampu memelihara tradisi perkahwinan heteroseksual. Tindakan gereja mengasingkan campur tangan kerajaan yang membela nasib homoseksual akan melancarkan usaha untuk memperkasakan perkahwinan heteroseksual. Institusi gereja tidak akan terikat dengan pihak luar dalam mengendalikan upacara perkahwinan mengikut ajaran sebenar.

Analisis pendekatan gereja yang keenam ialah gereja perlu melantik pemimpin gereja dari kalangan lelaki. Analisis mendapati pendekatan ini mampu menjadi contoh kepada institusi keluarga untuk mengutamakan lelaki sebagai pemimpin seperti yang dijelaskan di dalam 1 Korintus 11:9-10. Tambahan pula, lelaki mempunyai prinsip untuk mengurangkan pengaruh PSJ berbanding wanita (Stephanie dan Jill, 2013, p. 108; David A. Moskowitz,

Gerulf Rieger, dan Michael E. Roloff, 2010, p. 325). Kuasa yang dimiliki oleh lelaki ini sekali gus mampu mengurangkan risiko perceraian.

Analisis pendekatan gereja yang ketujuh ialah gereja perlu menyokong perkahwinan heteroseksual. Analisis mendapati pendekatan yang wajar dilakukan bagi memastikan agenda ini terlaksana ialah mempraktikkan konsep perkahwinan yang menepati keperluan Bible. Pendekatan ini mampu menjadikan perkahwinan adalah satu ikatan yang eksklusif. Maksudnya, pasangan yang memenuhi syarat sahaja layak untuk disatukan.

Merujuk kepada analisis pendekatan gereja yang menentang PSJ, secara keseluruhannya membuktikan bahawa pendekatan-pendekatan di atas berupaya untuk memulihkan semula perkahwinan heteroseksual. Sehubungan itu, gereja perlu mengambil pendekatan yang mampu memberi inapak yang positif untuk jangka masa panjang. Pendekatan-pendekatan tersebut diharapkan mampu dilaksanakan secara menyeluruh di dalam institusi agama Kristian.

## 5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, didapati bahawa gereja mengambil pendekatan tersendiri dalam berhadapan dengan konflik PSJ. Memandangkan gereja adalah institusi yang bertanggungjawab menjaga kesucian agama Kristian, tindakan untuk jangka masa panjang adalah perlu untuk gereja memastikan penganut sentiasa mematuhi peraturan Tuhan. Justeru, tindakan gereja menolak PSJ adalah selaras dengan Bible yang menolak seks sesama jantina. Sedangkan gereja yang menerima PSJ pula hanyalah memenuhi tuntutan nafsu manusia yang bertentangan dengan ajaran Bible.

## BIBLIOGRAFI

- Andrew L. Whitehead dan Samuel L. Perry. (2015). A More Perfect Union? Christian Nationalism and Support for Same-Sex Unions. *Gender & Sexuality*, Vol. 58(3) 422–440.
- Antsey, M. P. (2019). The Case for Same-Sex Marriage. *ResearchGate*, 267-284.
- Barton, B. (2010). “Abomination”-Life as a Bible Belt Gay. *Journal of Homosexuality*, 57:465–484.
- Bible. (2013). *Kitab Suci Terjemahan Dunia Baharu- Diterjemahkan berdasarkan New World Translation of the Holy Scriptures*. Pennsylvania: Watch Tower Bible and Track Society.
- Brownson V. James. (2013). Bible, Gender, Sexuality. *Reframing the Church's Debate on Same -Sex Relationships*. Cambridge: Wm. B. Eerdmans Publishing Co.
- Darren E. Sherkat, Melissa Powell-Williams, Gregory Maddox, Kylan Mattias de Vries. (2011). Religion, politics, and support for same-sex marriage in the United States, 1988-2008. *Social Science Research*, 167-180.

- David G. Myers dan Letha D. Scanzoni. (2005). *What God Has Joined Together? A Christian Case for Gay Marriage*. Perfectbound.
- David M. Barnes dan Ian H. Meyer. (2012). Religious Affiliation, Internalized Homophobia, and Mental Health in Lesbians, Gay Men, and Bisexuals. *American Journal of Orthopsychiatry*, 505-515.
- D. James Keneddy dan Jerry Newcombe. (2004). *What's Wrong With Same-Sex Marriage?* Illinois: Crossway Books.
- Foster, N. (2016). *Legal Implications of Same Sex Marriage for Christian Life and Ministry*. University of Newcastle - Australia: bepress.
- Jason Horowitz. (2020, 10, 21). *Pope Francis, in Shift for Church, Voices Support for Same-Sex Civil Unions*. Didapatkan dari: The New York Times: <https://www.nytimes.com/2020/10/21/world/europe/pope-francis-same-sex-civil-unions.html>
- JAKIM (2020). Program Rawatan dan Pemulihan Komuniti LGBT. Retrieved from facebook: <https://www.facebook.com/MyJAKIMmalaysia/posts/1700-orang-lgbt-ikuti-program-rawatan-dan-pemulihan-jakimjakim-memandang-serius-3354099984640547/>
- Jeremy J. Gibbs dan Jeremy Goldbach. (2015). Religious Conflict, Sexual Identity, and Suicidal Behaviors Among LGBT Young Adults. *Archives of Suicide Research*, 19:4, 472-488.
- Gates, G. J. (2015). Marriage and Family: LGBT Individuals and Same-Sex Couples. *The Future of Children*, 67-87.
- Kurdek, L. A. (2004). Are Gay and Lesbian Cohabiting Couples Really Different From Heterosexual Married Couples? *Journal of Marriage and Family*, 880-900.
- Mark D. Jordan, Meghan T. Sweeney dan, David M. Mellot. (2006). *Authorising Marriage? Canon, Tradition, and Critique in the Blessing of Same-Sex Unions*. New Jersey: Princeton University Press.
- McQueeney Krista. (2014). We are God's Children, Y'all: "Race, Gender, and Sexuality in Lesbian-and gay-Affirming Congregations. *Social Problems*, Volume 56, Issue 1, pages 151-173.
- Mohler, R. A. (2014). *God and The Gay Christian? A Response to Matthew Vines*. Louisville: SBTS Press.
- Moscowitz, D. A., Rieger, G., dan Roloff, M. E. (2008). Tops, Bottoms and Versatiles. *Sexual and Relationship Therapy*, 23(3), 191-202.
- Saez, M. (2012). *Same Sex Marriage*. Washington DC: Springer Science+Business.
- Samuel L. Perry dan Andrew L. Whitehead. (2016). Religion and Public Opinion Toward Same-Sex Relation, Marriage, and Adoption: Does the Type of Practice Matter? *Journal for the Scientific of Religion*, 1-15.

- Siti Amirah Akilah Abd Rahim, Hanisah Abdul Rahman, Farawahida Mohd Yusof. (2020). Transgender di Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 67-77.
- Smith, C. (2019). The Church of England and Same-Sex Marriage: Beyond a Rights-Based Analysis. *Ecclesiastical Law Journal*, 21(2), 153–178. <https://doi.org/10.1017/S0956618X19000048>
- Spaulding, C. (2018). Evangelical Christian Crisis Responses to Same-Sex Sex Scandals. *Journal of Media and Religion*, 28-40.
- Stephanie Newton Webb dan Jill Chonody. (2013). Heterosexual Attitudes Toward Same-Sex Marriage: The Influence of Attitudes Towards Same-Sex Parenting. *Journal of LGBT Family Studies*, 404-421.
- Tien Tsung Lee dan Gary R. Hicks. (2011). An Analysis of Factors Affecting Attitudes Toward Same-Sex Marriage: Do the Media Matter. *Journal of Homosexuality*, 58:1391–1408, 2011 , 58:1391-1408.
- The Washington Post (2019, July, 14). *She Says She Married A Pirate's Ghost-and She Wants You To Stop Calling Her Crazy*, Retrieved from religion: <https://www.washingtonpost.com/religion/2019/07/14/she-says-she-married-pirates-ghost-she-wants-you-stop-calling-her-crazy/>
- Vines, M. (2014). *God and The Gay Christian: The Biblical Case in Support of Same-Sex Relationship*. United States: Convergent Books.
- William N. Eskridge, J. (1993). A History of Same-Sex Marriage. Dalam J. William N. Eskridge. *Virginia Law Review*.
- Wolf, Christopher P. Scheitle dan Julia Kay. (2017). The Religious Origins and Destinations of Individuals Identifying as a Sexual Minority. *Sexuality & Culture*.
- Yarhouse, M. A. (2007). *The Many Meanings of Marriage : Divergent Perspectives Seeking Common Ground*. 15(1), 36–45. <https://doi.org/10.1177/1066480706294047>
- Young, P. D. (2006). Same-Sex Marriage and the Christian Churches in Canada. *Studies in Religion*, 3-23.
- Young, P. D. (2000). Same-sex Relationships, Religious Traditions, Marriage and the Law. *Canadian Corporation for Studies in Religion*, 465-480.